

Bahagian A

[20 markah]

Arahan: Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Jawab semua soalan.

- 1 Apakah pandangan tokoh berikut berkaitan dengan pengertian sejarah?

Mohd Yusof Ibrahim

- A Catatan peristiwa yang berlaku
 B Perbincangan mengenai masyarakat
 C Interaksi secara berterusan antara ahli sejarah dan fakta
 D Penceritaan tentang sebab berlaku sesuatu peristiwa
- 2 Profesor Hazim menemui serpihan tembikar di dalam tanah.
 Apakah kaedah yang diguna oleh beliau dalam menyelidikannya?
 A Kaedah bertulis
 B Kaedah gali cari
 C Kaedah lisan
 D Kaedah arkeologi bawah air
- 3 Perubahan suhu sejuk memainkan peranan besar

pembentukan fizikal dan hidupan di muka bumi. Apakah yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?

- A Peningkatan kedalaman air laut
 B Pembentukan tasik air tawar
 C Kewujudan haiwan berbulu tebal
 D Pemisahan kawasan daratan
- 4 Apakah hidupan yang mewakili Zaman Pleistosen?
 A *Trilobite*
 B *Dipterus*
 C *Coiled Cephalopod*
 D *Stegosaurus*
- 5 Apakah yang menyebabkan perubahan muka bumi secara besar-besaran?
 A Kepupusan haiwan
 B Aktiviti manusia dan haiwan di muka bumi
 C Penurunan suhu akibat aktiviti radiasi
 D Pencairan permukaan ais di muka bumi

- 6 Gambar lukisan pada dinding berikut ditemui di dalam sebuah gua pada Zaman Prasejarah.



Antara berikut, apakah kepentingan sumber tersebut dalam dunia penyelidikan sejarah?

- I Terdapat golongan artisan
 I Kepakaran dalam pengkhususan kerja
 III Menunjukkan ciri kesenian
 IV Menggambarkan sesuatu perkara
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 7 Pasangan yang manakah berkaitan dengan organisasi sosial masyarakat Zaman Prasejarah.

	Zaman	Kepercayaan
A	Paleolitik	Kewujudan pemimpin
B	Neolitik	Kehidupan kelompok kecil
C	Mesolitik	Memiliki organisasi tersusun
D	Logam	Kewujudan sistem pentadbiran

- 8 Tokoh manakah memberikan pandangan konsep tamadun berikut?

Kehidupan insan bermasyarakat yang telah mencapai kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat.

- A Syed Muhammad Naquib Al-Attas
 B Arnold J. Toynbee
 C Ibn Sina
 D Ibn Khaldun
- 9 Urusan pentadbiran raja berjalan lancar hasil bantuan para pembesar. Apakah yang dimaksudkan oleh pernyataan tersebut?
- A Pembesar memiliki lebih kuasa berbanding raja
 B Pembesar bertanggungjawab melaksanakan arahan raja
 C Pembahagian kuasa sama rata berlaku antara kedua pihak

- D Pembesar memiliki kuasa autonomi di wilayah masing-masing

- 10 Gambar berikut menunjukkan hasil seni masyarakat Tamadun Mesir Purba.



Antara berikut, di manakah hasil seni tersebut boleh didapati?

- I Rumah kediaman
 II Dinding bangunan
 III Kuil
 IV Rumah pembesar
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

- 11 Kesuburan tanah dianggap sebagai hadiah daripada sebatang sungai.

Apakah sungai yang dimaksudkan?

- A Sungai Indus
 B Sungai Tigris
 C Sungai Huang He
 D Sungai Nil

- 12 Pilihan pasangan yang tepat mengenai sumbangan teknologi tamadun awal.

	Tamadun	Sumbangan
A	Mesir Purba	Penerokaan angkasa lepas
B	Indus	Pembinaan empangan

C	Mesopotamia	Penciptaan roda
D	Huang He	Pembuatan jam

- 13 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan negara-kota Sparta?

- I Negara-kota yang paling luas
 II Penduduk seramai 16 000 orang
 III Negara-kota yang paling ramai penduduk
 IV Penduduk seramai 20 000 orang

- A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan seni bina Tamadun Rom.

Membekalkan air ke rumah kediaman dan di sekitar bandar dalam empayar Rom.

Apakah binaan tersebut?

- A Akueduk
 B Amfiteater
 C Colosseum
 D Pantheon

- 15 Apakah persamaan yang terdapat antara Tamadun Yunani dan Tamadun Rom?

- A Melaksanakan sistem ketenteraan
 B Memiliki teknik seni bina yang sama
 C Memiliki empayar yang luas
 D Mengamalkan sistem demokrasi

- 16 Selepas Tamadun Indus berakhir, berlaku perubahan dalam perkembangan Tamadun India yang menandakan bermulanya tahap baharu dalam tamadun ini. Apakah perubahan tersebut?
- A Pemerintah yang bertoleransi
 - B Bantuan daripada pihak luar
 - C Pusat tamadun beralih lokasi
 - D Kekuatan ketenteraan

- 17 Mengapakah sistem peperiksaan penting bagi masyarakat Tamadun China?
- A Mengubah status kehidupan
 - B Meningkatkan celik huruf
 - C Menyaingi tamadun lain
 - D Membangunkan masyarakat

- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan masyarakat Arab Jahiliah.

Masyarakat Badwi

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan kehidupan masyarakat tersebut?

- I Menetap di lokasi yang tetap
 - II Perniagaan menjadi sumber utama
 - III Menternak secara nomad
 - IV Mengamalkan sistem tukar barang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 19 Perkembangan penyelidikan bidang sains dan teknologi dalam Tamadun Islam membantu perkembangan kaedah penyelidikan dalam pertanian.

Antara berikut, apakah kaedah tersebut?

- I Pemilihan benih yang bermutu
 - II Penciptaan alat pertanian
 - III Penggunaan batas
 - IV Sistem pengairan
- A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

- 20 Gambar berikut berkaitan dengan masjid yang unik di seluruh dunia.



Masjid Sultan Ahmet, Turki



Masjid Moti, India

Apakah persamaan seni bina masjid tersebut?

- A Mempunyai banyak menara
- B Berinspirasi bentuk rumah tradisional
- C Mempunyai bumbung berbentuk bawang
- D Menyesuaikan seni bina dengan budaya setempat